

25/02/2003

Sikap pilih kasih kuasa besar punca konflik sejagat: Dr M

reports on "Persidangan Ketua-ketua Negara atau Kerajaan Pergerakan KUALA LUMPUR: Sikap pilih kasih negara kuasa besar yang gagal menangani konflik Palestin-Israel bukan saja menyebabkan rakyat Palestin kecewa, malah mencetuskan kemarahan umat Islam sejagat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang mengambil alih kerusi Pengerusi NAM semalam berkata, dalam penentangan terhadap penindasan Israel dan untuk mendapatkan semula tanah mereka, rakyat Palestin terpaksa mengambil jalan keluar.

Pertamanya, mereka melakukan peperangan konvensional, diikuti bantahan sivil, demonstrasi ganas dan akhirnya apa yang dikatakan sebagai tindakan keganasan.

Bagaimanapun, katanya, rakyat Palestin kecewa kerana tindakan mereka itu terus dikutuk dunia sedangkan keganasan yang lebih menggerunkan oleh Israel terhadap mereka, dibiarkan.

Beliau memberikan contoh pembunuhan beramai-ramai di Sabra dan Shatila, kanak-kanak ditembak dan dibunuh serta tindakan merempuh dengan jentolak rumah rakyat Palestin ketika penghuninya masih berada di dalamnya.

"Sikap pilih kasih yang terang-terangan inilah yang membangkitkan kemarahan orang Islam sehingga mereka melancarkan serangan ganas secara sendirian," katanya berucap pada perasmian Sidang Kemuncak NAM ke-13 semalam.

Dr Mahathir menegaskan, perbezaan agama bukan menjadi punca kemarahan penyerang Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York pada 11 September 2001.

Sebaliknya, tindakan itu semata-mata kerana perasaan simpati dan kemarahan terhadap rampasan yang dilakukan ke atas bumi Palestin, terhadap ketidakadilan dan penindasan rakyat Palestin serta umat Islam di mana jua.

Penindasan dan ketidakadilan, katanya, tidak hanya terhad kepada melancarkan perang dan membunuh manusia, malah membabitkan penyebaran ideologi bahawa hanya sebuah sistem kerajaan demokratik yang dibenarkan sekarang.

"Kita akui bahawa ia setakat ini adalah sistem terbaik sesebuah kerajaan. Tetapi mengenakan sekatan, membiarkan rakyat kebuluran, menafikan akses bagi ubat-ubatan hanya untuk memaksa penerimaan terhadap demokrasi, bukannya suatu yang demokratik," katanya.

Perdana Menteri berkata, sejak peristiwa 11 September, negara kaya dan berkuasa menjadi berang terhadap separuh daripada dunia yang miskin.

Namun, tindakan negara kaya selepas peristiwa itu dalam usaha memastikan keselamatan diri mereka, hanya menambahkan lagi kemarahan negara miskin yang tertindas.

Katanya, kedua-dua pihak kini marah membuta tuli dan cenderung untuk melakukan peperangan yang tidak akan menyelesaikan apa-apa.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mengingatkan pemimpin NAM, jika mereka tidak melakukan sesuatu bagi menyekat ketidakadilan negara berkuasa di dunia ini, rakyat mungkin akan bertindak sendiri terhadap mereka.

Perdana Menteri juga berkata, NAM harus mengakui bahawa pergerakan dianggotai 116 negara anggota itu tidak efektif seperti yang sepatutnya.

"Kita mungkin memilih untuk kekal tidak terbabit bagi mengelak perasaan kurang senang negara besar. Tetapi rakyat kita menjadi resah. Mereka mahu kita melakukan sesuatu.

"Jika kita tidak berbuat sesuatu, maka mereka akan melakukannya, dan mereka akan menentang kita. Mereka akan bertindak sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata, peristiwa 11 September sudah membuktikan hakikat itu dan sidang kali ini juga diadakan ketika dunia hidup dalam ketakutan disebabkan serangan itu yang membunuh beribu-ribu manusia.

Beliau berkata, nyawa setiap manusia adalah suci, tidak kira seseorang itu kawan atau musuh dan disebabkan itulah peperangan bukannya penyelesaian.

Keagungan sesebuah negara pula seharusnya berasaskan kepada budaya yang menghargai kualiti moral tinggi, estetika, pembelajaran dan kemajuan dalam sains.

"Malangnya, beribu-ribu tahun selepas zaman batu, kita masih mengukur keagungan sebuah negara dengan keupayaan membunuh kejam sejumlah besar manusia," katanya.

Beliau memberikan contoh bagaimana dunia menjadi kucar-kacir kerana negara di seluruh dunia menjadi leka dengan keganasan, membelanjakan bertrilion dolar untuk meningkatkan keselamatan, tetapi masih tidak mampu menghentikan tindakan keganasan.

Sambil mengutarakan satu persoalan sukar kepada pemimpin NAM, beliau berkata: "Kenapa wujudnya keganasan? Adakah benar orang Islam dilahirkan sebagai penganas kerana mengikut ajaran nabi yang kononnya seorang penganas? Bagaimana kita hendak menjelaskan pembunuhan kaum, penyiasatan dan kemusnahan yang menggambarkan ciri Kristian Eropah selama hampir 2,000 tahun?"

"Kenapa orang Yahudi memilih untuk mencari perlindungan di negara Islam setiap kali Kristian Eropah melakukan pendakwaan terhadap mereka? Adakah manusia mencari tempat selamat di bumi penganas? (Ini) sudah pastinya tidak mungkin."

Dr Mahathir menegaskan, orang Kristian tidak diganasi oleh orang Islam, tetapi rakan Kristian sendiri yang mengutuk mereka mengamalkan fahaman menyeleweng.

Malah, orang Kristian ketika itu didakwa, diseksa serta dipaksa berhijrah kerana kepercayaan mereka.

"Ini jelas menunjukkan bahawa orang Islam tidak memonopoli keganasan dan pasti tidak sehingga pada ukuran melakukan kemusnahan, pembunuhan kaum

dan

soal siasat.

"Jadi tidak mungkin orang Islam menjadi satu-satunya punca bagi semua masalah ini. Saya juga tidak percaya bahawa teori keganasan adalah berpunca daripada pertembungan antara tamadun Islam dengan tamadun Yahudi-Kristian.

"Terus terang saya katakan ia disebabkan oleh kembalinya sifat lama Eropah yang mahu menguasai dunia," katanya.